

1. Banyak dan cantiknya masjid bukan menjadi ukuran di dalam Islam tetapi pengisinya, takwa umatnya itulah yang dikehendaki. Tidak ada ertinya masjid itu banyak kalau tidak disembahyanginya dan tidak ada ertinya pula kalau masjid itu cantik, bagus, indah dan diperbuat daripada berlian kemuncaknya sekalipun jika terdiri dari wang 'āṣī akan dienggani oleh orang-orang Islam sembahyang di dalamnya yaitu bagi mereka yang mengetahui. Sebab itu masjid yang didirikan bukan baik dan cantik tetapi ialah takwanya.

2. Adanya sekolah-sekolah agama – kita ketahui sama ada di Malaysia atau di Indonesia umumnya terdiri daripada pengorbanan daripada orang-orang agama. Bukan bagusnya madrasah itu, bukan banyaknya, modennya tetapi ajarannya dan semangat ajaran itu dan daripada semangat penduduk dan pengorbanan yang banyak daripada umat Islam sendiri itulah timbulnya pejuang-pejuang Islam


untuk menegakkan kalimah Allah – tidak terpesong oleh kesenangan yang diberikan kepadanya, tidak melembutkan giginya daripada lidahnya daripada memperkatakan hak dan berani berterus-terang, dan daripada madrasah-madrasah yang demikian inilah timbulnya mujahid-mujahid yang berjuang di dalam medan dakwah yang membuka mata umat Islam bahawa tugas dakwah Islam adalah tugas tiap-tiap orang pemeluknya yang telah bersaksi bahawa Tuhan itu yang disembahnya dan Muhammad itu pesuruhnya.

5. Pertanyaan yang dikemukakan ini pertanyaan yang serius. Sungguhpun nampaknya ditujukan kepada PAS tetapi cabaran itu seolah-olah kepada seluruh umat Islam dihadapkan beliau. Perhatikan pertanyaan: “Apakah kebajikan dan kemakmuran yang dicurahkan oleh rakyat untuk sebuah negara kebajikan yang mendapat keampunan daripada Allah?”

Pertanyaan ini tentunya sebagai memandang keadaan luar daripada daerah

itu. Mungkin orang akan bertanya pula kepada beliau: “Sudahkah kebajikan-kebajikan dan kemakmuran yang dicurahkan luar kawasan itu terjamin mendapat keampunan daripada Allah? Bolehkah beliau menentukan bahawa kebajiuhan dan kemakmuran yang dicurahkan itu mendapat keampunan daripada Allah kalau di dalamnya terdapat pekerjaan-pekerjaan yang 'āṣī di hadapan mata kita?”

Pertanyaan-pertanyaan yang sumpamanyai banyak boleh didatangkan tetapi orang mengetahui sampai ke mana orang boleh bercakap dan berkata. Sebab itu waktu pemimpin-pemimpin bercakap menentang musuhny hendaklah ingat bahawa di luar daripada badan-badan politik yang bertentangan ada lebih banyak lagi umat yang mesti dijaga hatinya dan perasaannya kerana mungkin, yang kita harap tidak akan terjadi, bahawa perasaan yang meluap akan timbul kalau mereka sentiasa telinganya disumbat dengan kata-kata yang menentang iman dan perasaan mereka.



Lagi pengeboman secara kejam yang telah dilancarkan oleh Angkatan Udara Republik Arab Bersatu ke atas desa-desa kecil yang terbuka di negeri Yaman.